



قائتارونى Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 9

RABU 29 FEBRUARI, 1984.

رابعو 27 جسادى الاول 1404

PERCUMA



D.Y.M.M. Sultan Selangor berangkat membuat kunjungan singkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibnu Al Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Al Haj telah mengadakan kunjungan kehormat selama sehari ke negara ini Isnin lepas.

Keberangkatan Baginda telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bokiah.

Keberangkatan D.Y.M.M. Sultan Selangor telah diiringi oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah dengan menaiki kapal 'PUTERI BERJAYA'.

Semasa di negara ini Baginda Sultan Selangor telah mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman, dan seterusnya melawat ke tempat-tempat yang menarik di negara ini.

Pertemuan mesra ketua negara

BEGINILAH mesranya pertemuan dua orang ketua negara berjiran yang sentiasa menampilkan kegirangan dan kemuliahannya. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia merakamkan perbualan mesra ini ketika Baginda Sultan mengalu-alukan keberangkatan tiba Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong untuk menghadiri perayaan Hari Kebangsaan negara yang pertama. Baginda Yang Dipertuan Agong kemudiannya menerima Hormat Diraja di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara. (Lagi gambar-gambar sekitar perayaan Hari Kebangsaan disiarkan di muka dalam).

BAIKI HUBUNGAN DENGAN NEGARA BERI SOKONGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah melahirkan penghargaan kepada negara-negara yang bertanggungjawab bagi melicinkan kemasukan Negara Brunei Darussalam ke dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Adalah menjadi hasrat Baginda untuk membaiki lagi perhubungan-perhubungan dengan negara-negara yang telah memberikan sokongan ke atas kemasukan Negara Brunei Darussalam ke dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Bagaimanapun titah Baginda, dalam menjalin hubungan baru, Negara Brunei Darussalam tidaklah berhasrat untuk melupakan terutama sekali hubungan persahabatan yang telah lama terjalin.

Baginda bertitah kepada ketua-ketua negara dan ketua-ketua kerajaan dari seluruh dunia di Istiadat Persantapan Diraja sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang bertempat di Istana Nurul Iman malam Khamis lalu.

Perhimpunan yang telah dihadiri lebih empat ribu orang itu termasuklah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, D.Y.M.M. Sultan Johor, Putera Wales, kerabat Diraja dari Timor Tengah dan Pasifik, Presiden-Presiden dan Perdana Menteri-Perdana Menteri dan Perwakilan-perwakilan luar yang lain serta pembesar-pembesar negara.

Sejak mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, titah Baginda, Negara Brunei Darussalam merasa sangat beruntung kerana diterima menjadi ahli Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan seterusnya Pertubuhan Negara-Negara Komanwel.

Menyentuh mengenai kedudukan negara Brunei Darussalam sebelum mengambil alih semula tanggungjawab penuh, Baginda menegaskan Negara Brunei Darussalam tidak pernah dijajah tetapi mempunyai hubungan perjanjian istimewa dengan United Kingdom yang bermula sejak tahun 1847 apabila Brunei bertuan menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan dengan United Kingdom.

Perjanjian tersebut kemudiannya diikuti pula dengan beberapa persetujuan yang termasuk meminda antara lain tanggungjawab urusan luar Brunei kepada United Kingdom yang berkesudahan dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama yang ditandatangani pada tahun 1979 dengan diputuskan bahawa Britain akan menyerahkan semua kuasa dan tanggungjawabnya kepada Brunei Darussalam mulai 31 Disember 1983.

Oleh itu mulai 1 Januari 1984, Brunei mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa yang sepenuhnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya melahirkan penghargaan ke atas peranan yang telah dimainkan oleh Kerajaan D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam dan berharap semoga persahabatan antara kedua negara akan sentiasa dijalin dengan mesra di tahun-tahun yang akan datang.

Titah Baginda, sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, Brunei Darussalam juga merasa beruntung dalam kebanyakan hal yang antaranya ianya telah mempunyai peraturan politik yang mantap, termasuk perkhidmatan awam yang kukuh, infrastruktur yang baik, kemudahan-kemudahan dan kedudukan sosial yang agak tinggi termasuk bilangan besar penduduk yang berpendidikan serta salah sebuah negara yang mempunyai taraf hidup yang paling tinggi di Asia.

Allah telah dikurniakan Negara Brunei Darussalam dengan sumber-sumber penting seperti minyak dan gas asli yang merupakan sumber hasil pendapatan utama negara.

(Lihat muka 6)

MANISNYA IMAN

"Apabila kamu diberi hormat (salam) maka balaslah dengan cara yang terlebih baik, atau balaslah penghormatan itu serupa dengan penghormatan yang diberi. Sesungguhnya Allah itu menghitung segala sesuatu." — Makna ayat 86 Surah An-Nisa.



Pelita Brunei

29 FEBRUARI, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

Titah Hari Kebangsaan:

Menggariskan dasar dalam dan luar negeri

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam titah di Majlis Persantapan Diraja sempena sambutan Hari Kebangsaan telah menggariskan dasar-dasar yang akan diikuti oleh negara. Titah yang disifatkan oleh ramai pemerhati luar negeri yang mengikutinya sebagai tepat pada masanya dan sasarannya itu adalah mudah, jelas dan berterus terang.

Baginda mula-mula menyatakan keberuntungan Negara Brunei Darussalam kerana

diterima menjadi anggota ASEAN dan OIC se-jurus selepas mencapai semula taraf antarabangsa. Dan dalam masa yang sama Baginda menyatakan keberuntungan negara kerana mempunyai susunan politik yang stabil, termasuk perkhidmatan awam yang sudah berjalan lama, kemudahan-kemudahan infrastruktur yang baik, kemajuan sosial yang antaranya ialah kebanyakan penduduk bebas dari buta huruf. Selain daripada itu, Baginda juga menyatakan keberuntungan negara kerana dikurniai Allah s.w.t. dengan sumber ekonomi yang penting iaitu minyak dan gas asli yang memungkinkannya Kerajaan dapat membiayai semua rancangan kemajuan sambil memperoleh lebih pendapatan untuk tanaman modal di seberang laut.

Dengan keberuntungan-keberuntungan yang sedemikian itu Baginda berhasrat untuk melihat rancangan-rancangan kemajuan, termasuklah pembahagian tanah dan perumahan bagi rakyat asal yang tidak bertanah, akan dilaksanakan dengan sungguh-sungguh bagi membolehkan rakyat menikmati taraf hidup yang tinggi secara progresif.

Hasrat Baginda itu diikuti dengan langkah-langkah yang akan diambil khasnya mengenai pengeluaran minyak dan penanaman modal di seberang laut. Dalam hal pengeluaran minyak Baginda menitikkan untuk dikekalkan kadarnya pada paras yang lebih munasabah pada menepati keperluan memperpanjangkan

kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat. Dan mengenai penanaman modal di luar negeri Baginda menitikkan supaya ia akan diuruskan dengan lebih cekap. Di samping itu usaha-usaha memperbagaikan ekonomi hendaklah juga digiatkan. Dalam semua usaha itu, Baginda selaku Ketua Negara dan Ketua Kerajaan akan tidak kendur-kendur bekerja bagi faedah rakyat.

Dalam titah tersebut Baginda juga menyebutkan beban dan tanggungjawab Kerajaan adalah sukar bahkan mencabar lebih-lebih lagi kerana rakyat dalam sebuah negara yang baru merdeka lazimnya akan cuba menyesuaikan diri mereka dengan jangkaan-jangkaan yang berlaku di negara-negara yang sudah maju. Bagaimanapun dalam menghadapi cabaran-cabaran tersebut Baginda berharap rakyat akan melipat gandakan usaha mereka pada memainkan peranan mereka yang sebenarnya ke arah mencapai kemajuan dan kemakmuran. Tambahan kepada itu, dengan infrastruktur yang sudah ada serta dengan pengurusan yang sempurna ke atas sumber ekonomi maka Baginda percaya semua cabaran-cabaran itu insya-Allah akan dapat diatasi. Dalam hubungan ini Baginda mengingatkan betapa pentingnya kemantapan politik dan keamanan. Tanpa keamanan dan kemantapan politik tidak akan ada kemajuan ekonomi dan tanpa kemajuan ekonomi maka kemerdekaan dan kebebasan akan terancam.

Mengenai perhubungan luar negeri Baginda

bertitah tentang sekongan dan bantuan negara-negara yang bertanggungjawab mengenai kemasukan Negara Brunei Darussalam ke dalam ASEAN dan OIC secara lisan. Terhadap negara-negara itu Baginda berhasrat untuk memperbaiki lagi hubungan seterusnya. Bagaimanapun Baginda telah menegaskan mengenai perhubungan dengan Kerajaan Baginda Queen yang mana Brunei tidak akan mengundakannya bahkan berharap perhubungan persahabatan yang sedemikian lama itu akan berterusan dalam keadaan mesra.

Terhadap ASEAN, Baginda menyatakan keberuntungan negara ini berjalan dengan negara-negara yang mempunyai persamaan cita-cita dan matlamat. Sementara sebagai anggota Queen Komanwel pula kita akan boleh meneruskan perhubungan yang sedia ada dengan negara-negara di dalamnya.

Kita juga menghargakan penyertaan persahabatan dari negara-negara Islam seperti mana juga kita menghargakan sambutan hangat dari banyak lagi negara-negara yang kita telah menubuhkan perhubungan persahabatan pada masa kita mencapai kemerdekaan. Dengan kemajuan yang diperolehi di peringkat antarabangsa ini serta dengan muhibah dan persahabatan yang ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa itu maka kita percaya kita akan meneruskan kemajuan ekonomi dan kerohanian sambil bekerjasama untuk keamanan, kemajuan dan kemakmuran seluruh dunia.



Mengalu-alukan ketibaan tetamu negara dari luar negeri

YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (gambar kiri) menerima perkenalan dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan Thailand setelah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Thailand yang menghadiri Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini. Perdana Menteri Thailand terdahulu dari itu telah diperkenalkan kepada pembesar-pembesar negara kita se-jurus setelah menerima tabik hormat Diraja dari satu perbarisan kawalan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Taman Haji Sir Muda Ali Saifuddin.

YAB Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia (gambar bawah kiri) yang turut diundang bagi menghadiri Hari Kebangsaan negara kita ketika memeriksa perbarisan kawalan kehormatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

DAN (gambar bawah) YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika menerima perkenalan dengan salah seorang pegawai kanan dalam rombongan salah satu jemputan kenamaan dari negara Arab yang menghadiri Hari Kebangsaan negara baru-baru ini.



Menerima keberangkatan tiba ketua-ketua negara dari luar negeri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan (gambar atas kanan) juga ketika menerima perkenalan dengan salah seorang kenamaan dalam rombongan T.Y.T. Zia Ul-Haq Presiden Pakistan yang turut diundang bagi menghadiri Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan dan lain-lain acara perayaan. Presiden Zia terdahulu dari itu telah menerima penghormatan negara dari perbarisan kawalan kehormatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah (gambar atas kiri sekali) ketika mengalu-alukan keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Raja Tonga serta Ratu dan lain-lain ahli rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa untuk menghadiri Hari Kebangsaan negara baru-baru ini.

DAN gambar kiri - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin ketika menerima salam perkenalan dengan T.Y.T. Presiden Suharto di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di mana ketua negara dari Indonesia itu diberi penghormatan negara oleh perbarisan kawalan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan

CUACA redup dan awan mendung yang menyelimuti Negara Brunei Darussalam di hari-hari kebelakangan ini terutamanya di saat-saat negara menyambut perayaan Hari Kebangsaan yang bermula pada 23 Februari lepas adalah dirasakan oleh rakyat dan penduduk negara ini sebagai 'payung' yang melindungi kita semua dari panas terik matahari.

Dengan 'rahmat' cuaca yang baik itu semua acara-acara yang telah disusun untuk sambutan perayaan tersebut telah berjalan dengan licin dan teratur sebagaimana yang dirancangkan.

Rakyat dan penduduk negara ini menyambut hari yang bersejarah itu dengan riang gembira dan bersyukur ke hadirat Allah s.w.t di atas limpah kurnia keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan ke atas negara ini sehingga mencapai kemerdekaan dan kedaulatan dengan sempurna.

Tanda syukur dan gembira itu bukan sekadar dilafazkan dengan lidah atau dari keriang wajah, tetapi ianya jelas terbukti dari penglibatan dan penyertaan rakyat dari semua lapisan masyarakat di seluruh negara sama ada dalam persediaan-persediaan menyambut Hari Kebangsaan itu apatah lagi dalam acara-acara yang diaturkan untuk sambutan tersebut.

23 Februari setiap tahun ini akan dijadikan sebagai hari



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bersama dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ke Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan.

'keramat' bagi Negara Brunei Darussalam yang akan disambut dan diraikan setiap menjelang tarikh tersebut.

Hari Kebangsaan yang pertama telah disambut dengan meriah di satu upacara yang gilang-gemilang di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 23 Februari lalu di mana kira-kira 15,000 orang peserta

yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan, persatuan-persatuan belia dan kebajikan, penuntut-penuntut sekolah dan Maktab-maktab dan gabungan pekerja-pekerja Syarikat Shell Brunei dan LNG telah mempersembahkan beberapa gerak-laku yang mempesonakan penonton.

Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kerabat-kerabat Diraja telah berangkat bercemar Duli ke upacara itu.

Turut berangkat ke upacara yang gilang-gemilang itu termasuklah raja-raja, ketua-ketua negara dan pemimpin-pemimpin negara asing dari 70 buah negara di seluruh dunia yang antaranya ialah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia dan DYTM Putera Charles dari United Kingdom selaku wakil DYMM Baginda Queen Elizabeth II.

Dengan keramaian pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar dari negara asing yang hadir itu menunjukkan satu petanda yang jelas

bahawa kemunculan kita di dunia antarabangsa semakin mendapat sambutan yang begitu menggalakkan. Pada hari berikutnya satu perarakan besar-besaran oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei telah diadakan di Bandar Seri Begawan. Perarakan tersebut melintasi pentas khas di hadapan bangunan Kastam Diraja di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja


Isteri telah berangkat bercemar Duli bersama lain-lain Kerabat Diraja.

Upacara itu juga telah dihadiri oleh ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar dari negara asing yang hadir ke negara ini untuk sama-sama meraikan sambutan Hari Kebangsaan pertama negara ini. Perarakan besar-besaran yang julung-julung kalinya diadakan itu disertai oleh kira-kira 1700 orang anggota Angkatan Ber-

Lihat muka 5



SEBAHAGIAN dari hampir 35,000 orang yang turut menyaksikan dan memeriahkan upacara Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan.



TARIAN 'Bunga Kembang Berputar' yang melambangkan cita-cita kehidupan yang murni, lengkap dan padu yang dipersembahkan oleh belia wanita.

(Dari muka 4)

senjata Diraja dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang terdiri dari semua unit kedua-dua pasukan tersebut. Tentera Udara Diraja Brunei juga telah mengadakan pertunjukan terbang lalu dan beberapa pertunjukan menarik di hadapan Dermaga Kastam Diraja.


Pada hari Sabtu acara sambutan Hari Kebangsaan diteruskan lagi dengan Perarakan Carnival mengelilingi ibu kota. Lebih 14,000 orang peserta yang mewakili jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah dan maktab-maktab, persatuan-persatuan belia dan kebajikan, mukim-mukim dan syarikat-syarikat swasta. Perarakan yang berwarna-warni itu juga disertai oleh 40 buah kereta-kereta berhias.

Terdahulu sebelum itu, satu acara menarik pertunjukan terjun payung persembahan dari Tentera Udara Diraja Brunei bersama ahli-ahli payung terjun dari negara-negara ASEAN telah juga diadakan. Beribu-ribu rakyat dan penduduk negara ini telah membanjiri ibu kota untuk menyaksikan acara-acara tersebut.

Pada malam Isnin pula telah diadakan perarakan di air. Sebanyak 52 kenaikan di air telah menyertai perarakan tersebut. Perarakan yang bermula dari perairan berhadapan Istana Nurul Iman itu melintasi kawasan dermaga Kastam Diraja.

Selain dari jabatan-jabatan Kerajaan, mukim-mukim dan syarikat-syarikat swasta juga turut menyertai perarakan di air secara besar-besaran itu.

Selain dari acara-acara di atas, persembahan kebudayaan dan hiburan juga diadakan di semua daerah di negara ini. Persembahan-persembahan tersebut termasuklah sumbangan dari negara-negara ASEAN, Jepun dan Korea Selatan.



ACARA kemuncak di perhimpunan tersebut ialah pembacaan ikrar Hari Kebangsaan.



PERBARISAN berjalan lalu di hadapan pentas oleh semua pasukan sebelum membuat lambang panji-panji Brunei.



SEBAHAGIAN dari kontinjen belia tani yang mengandungi seramai 550 orang sedang mempersembahkan corak kegigihan bertani.

Ikrar Hari Kebangsaan

DENGAN bersyukur di atas limpah dan kurnia Allah s.w.t. yang men-takdirkan kami ber-negara merdeka penuh berdaulat iaitu Negara Brunei Darussalam, maka pada Hari Kebangsaan ini iaitu pada 23 Februari 1984 bersamaan 21 Jamadil-awal 1404 kami berikrar akan —

- * Bersatupadu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ;

- * Mempertahankan dan menjunjungnya dengan setia sebagai Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Wal-jamaah sebagai cara hidup yang lengkap ;

- * Berbakti dan rela berkorban pada mem-pertahankan maruah dan kedaulatannya serta memelihara keamanan dan keselamatannya ;

- * Mendukung nilai-nilai akhlak yang sempurna, serta taat dan menjunjung keluhuran undang-undangnya ;

- * Berkerja dengan gigih, jujur lagi amanah pada meningkatkan kemajuan dan kemakmurannya yang diredai oleh Allah ;

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

WANITA ISLAM (Bahagian II) Siri ke-215

HADIS-Hadis sahih telah menunjukkan bahawa perempuan-perempuan adalah bersembahyang di belakang Masjid, dan mereka bersurai selepas sembahyang terus balik ke rumah mereka dan laki-laki tiada bangkit dari tika sembahyang, melainkan sesudah perempuan bersurai dari tika sembahyang mereka. Oleh itu tiadalah seseorang boleh berkata dan hendak kiaskan (buat perbandingan) yang perempuan-perempuan hadir sembahyang di Masjid ini kepada keharusan bercampur aduk penuntut-penuntut laki-laki dengan perempuan, dalam kelas-kelas pelajaran, kerana ketika hadir sembahyang dalam Masjid ada dorongan memalingkan pandangan dari perkara-perkara yang haram, dan dorongan memuliakan majlis-majlis Allah Taala,

dan perkara ini tiada dapat ketika hadir di dalam kelas-kelas pelajaran yang bercampur gaul laki-laki dengan perempuan.

Berkata tuan guru: "Sebagai tambahan di atas keterangan tersebut, bahawa perempuan tiadalah hadir dalam majlis-majlis Rasulullah s.a.w. bersama laki-laki, walaupun majlis-majlis Rasulullah itu sopan santun (disiplin) di mana hati-hati mereka penuh dengan takwa, hadis-hadis yang menyokong pendapat saya itu ialah Hadis yang diriwayatkan oleh sahabat Abu Said Al-Khudry yang tersebut dalam kitab Al-Bukhari iaitu: Bahawa perempuan-perempuan berkata kepada Nabi s.a.w.: "Orang-orang laki-laki telah mengalahkan kami pada berjumpa dengan Baginda Rasulullah,

mohon Ya Rasulullah jadikan satu hari untuk kami mengadap Baginda Rasulullah." Maka Rasulullah telah menjanjikan satu hari dan Baginda Rasulullah berjumpa perempuan-perempuan itu dan memberi peringatan kepada mereka, dan memerintahkan mereka dalam perkara yang perempuan-perempuan itu berhajat untuk mempelajari dan mengetahuinya.

Jikalau betul perempuan-perempuan itu bercampur dengan laki-laki di majlis Rasulullah, nescaya perempuan-perempuan tiada berkata: "Kami telah dikalahkan laki-laki pada mengadap Rasulullah dan mendengar ajaran-ajaran Rasulullah." Oleh yang demikian tidak ada sesuatu sebab selepas zaman Baginda Rasulullah, sehingga zaman kita, yang boleh meluluskan supaya

penuntut-penuntut laki-laki dengan penuntut-penuntut perempuan boleh bercampur gaul dalam kelas-kelas pelajaran, maktab-maktab dan sekolah-sekolah, tetapi apa yang terjadi bahawa sekatan yang telah diadakan oleh Syarak Islam iaitu menegah dari campur gaul itu telah terbuka pintunya dengan seluas-luasnya. Penuntut-penuntut perempuan boleh mendapat ilmu pengetahuan bukan semestinya dengan bercampur gaul, bercampur aduk (co-education) itu kerana perkara itu boleh dipelihara dan dikawal sepenuhnya dengan mengasingkan kelas-kelas penuntut-penuntut perempuan itu daripada kelas-kelas penuntut-penuntut laki-laki dalam bangunan-bangunan maktab-maktab dan sekolah-sekolah.

Dipetik dari majalah Al-

Hidayah Al-Islamiah — Juz ketujuh jilid sembilan kemudian dibukukan dalam kitab bernama Asy-Syariah Al-Islamiah Salihatun Likulli Zaman, karangan Al-Imam Al-Akbar Al-Marhum Mohd Hidir Hussain, ketua Agung Al-Jam'iyah Al-Azhar dan anggota Dewan Bahasa di Kahirah dan anggota Dewan Ilmu Arab di Damasyik, cetakan tahun 1971.

KEPUTUSAN MENGASINGKAN

Satu keputusan telah diambil oleh Liga Al-Alam Al-Islami atau Ar-Rabitatul Alam Al-Islami yang berpusat di Mekah ekoran dari permintaan daripada umat-umat Islam iaitu supaya mengasingkan sekolah anak-anak laki-laki dari sekolah anak-anak perempuan, bagaimana tersebut dalam majalah Ar-Rabitatul Alam Al-Islami.



Pakistan telah mengasingkan Fakulti laki-laki dari Fakulti perempuan. Begitu juga telah dilakukan oleh Arab Saudi, Universiti Al-Azhar Mesir mereka mengasingkan Fakulti laki-laki dari Fakulti perempuan dan terdapat lain-lain rumah-rumah pelajaran (sekolah-sekolah) di Mesir yang mengasingkan dua jenis penuntut itu semuanya kerana pihak-pihak yang berkenaan itu telah sedar terhadap bahaya sosial yang timbul dari percampuran dan akibat dari campur gaul itu.

Tegasnya bercampur gaul itu adalah haram dan dosa besar, dayyus dan qawwad.



Dari muka 1

"Dengan hasil dari sumber-sumber tersebut, kerajaan telah dapat membiayai rancangan pembangunan, di samping mengekalkan kelebihan pada setiap tahun bagi pelaburan di luar negeri," titah Baginda.

Baginda seterusnya menekankan bahawa adalah hasrat Baginda untuk melihat rancangan pembangunan termasuk memperuntukkan tanah dan perumahan kepada warganegara yang tidak

mempunyai tanah yang diunggulkan dengan segera dan dengan semangat yang lebih gigih bagi membolehkan warganegara Baginda menikmati taraf hidup yang tinggi.

Oleh kerana minyak dan gas adalah merupakan aset yang tetap, adalah menjadi hasrat Baginda untuk mengekalkan penghasilan minyak pada satu paras yang lebih rational selaras dengan keperluan untuk mengekalkan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat Baginda ketika ini.

Serentak dengan itu, Baginda juga ingin melihat supaya pelaburan Negara Brunei Darussalam di luar negeri dikendalikan dengan lebih efisien dan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi dipesatkan lagi.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran, Kebawah D.Y.M.M. yakin rakyat akan menyambungnya dengan menambahkan lagi usaha dalam memainkan peranan masing-masing untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran infrastruktur yang

ada diwujudkan melalui pengurusan sumber-sumber negara secara rational dan bijaksana.

"Tanpa keamanan dan kestabilan politik, kemajuan ekonomi tidak akan tercapai dan tanpa kemajuan ekonomi, kemerdekaan dan kebebasan Negara Brunei Darussalam tidak akan teratur. Dalam keadaan dunia yang semakin bebas, yang mengalami tekanan ekonomi, usaha-usaha kerjasama adalah sangat diperlukan," titah Baginda.

DYMM raikan wartawan luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai lebih 200 orang wartawan luar negeri telah membuat liputan sempena Hari Kebangsaan baru-baru ini. Mereka itu termasuklah yang mengiringi Ketua Negara dan Ketua Ketua Kerajaan masing-masing yang hadir sebagai tetamu negara.

Sebuah bilik gerakan khas untuk menyelaraskan serta memberi kemudahan kepada mereka itu telah pun ditubuhkan di tingkat pertama bekas bangunan lama Jabatan Telekom. Bilik gerakan itu dikelolakan bersama oleh Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan, yang telah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kelihatan sedang di kelilingi oleh sebahagian dari para wartawan luar negeri yang Baginda telah berkenankan mengadap di Istana Nurul Iman pada petang Rabu lepas.

memberikan perkhidmatan perkhidmatan dua puluh empat jam.

Di samping acara-acara sambutan Hari Kebangsaan dan ketibaan tetamu-tetamu negara, dari maklumat yang diterima menunjukkan bahawa wartawan-wartawan tersebut memberi perhatian dan minat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ketua Negara dan Ketua Kerajaan serta juga terhadap Istana baru Baginda, "Nurul Iman."

Ramai para wartawan yang meminta untuk diperkenalkan mengadap bagi membuat wawancara dan mengambil gambar. Bagaimanapun dalam kesibukan bagi berbagai upacara Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bermurah hati berkenan menerima mereka itu pada sebelah petang 29 Februari, hari Rabu lepas.

Baginda dengan ramah telah menerima mereka mengadap di bilik tetamu di Istana Nurul Iman, sambil para jurugambar dan jurugambar tv serta 'photo-journalist' telah merakamkan detik-detik yang penuh merra itu di mana Baginda sesekali telah menjawab beberapa soalan yang dihadapkan oleh para wartawan.

Ramai para wartawan yang mengikuti rombongan pada petang itu telah menyatakan kekaguman masing-masing terhadap kemegahan Baginda terutama sekali tentang cara Baginda menjawab beberapa soalan serta kemurahan hati Baginda memperkenankan peminatan mereka untuk mengambil gambar Baginda di luar bilik mengadap itu.

Lihat muka 15

KEJADIAN ALAM BUKTI KEKUASAAN ALLAH

ALLAH s.w.t. menjadikan manusia semulia-mulia unsur dan dalam jasad manusia itu ditambah-Nya satu unsur yang amat berharga iaitu Allah mengurniakan akal fikiran.

Ugama menyuruh kita berfikir lebih mendalam tentang segala sesuatu dan segala persoalan, sehingga kita bukan hanya mengetahui kedudukan sesuatu dan persoalannya itu, tetapi hendaklah kita menyadari (mengimani) akan zat atau diri mutlak yang menjadikan sebab dan musabab atau penggerak pertama dari semua persoalan-persoalan itu.

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah 164 kira-kira maksudnya: "Sesungguhnya tentang kejadian langit dan

bumi perbezaan malam dan siang dan kapal-kapal yang belayar mengharungi lautan membawa apa-apa yang berguna bagi manusia dan apa-apa yang diturunkan Allah dari langit merupakan air — sehingga dengan air itu menjadi hiduplah bumi yang dulu mati, lalu hiduplah berkelir di atasnya segala macam binatang, berhem-busnya angin dan awan antara langit dan bumi, semua itu sudah menjadi tanda-tanda bagi orang yang berakal (berfikir)."

Jadi seluruh kejadian apa saja, di samping diambil manfaatnya untuk hidup, pula dijadikan bukti dan tanda-tanda tentang wujud kekuasaan dan kemurahan Allah, untuk mendorong agar kita selamanya hidup di dalam mengingat Allah, mensyukuri nikmat Allah dan mentaati

segala perintah Allah.

Semua apa saja yang kita ketahui dan pelajari tentang alam cakerawala menimbulkan pertanyaan dan mengerjakan jawabnya. Bila semua bintang-bintang, planet-planet dan satelit itu dikatakan bergerak, menimbulkan pertanyaan siapa yang menggerakannya, pertanyaan itu menimbulkan jawab pasti yang lebih pasti dari pasti iaitu ada penggerak, kerana yang bergerak itu bukanlah satu atau dua bintang, tetapi berjuta-juta bintang dan planet besar, kecil, jauh dan dekat. Maka sudah pasti bahawa penggerak itu maha kuat, maha besar, maha perkasa, maha

gagah.

Semua bintang, planet dan satelit semuanya bergerak secara teratur, tidak kecoh, tidak berlaga sehingga berjuta-juta tahun, tidak pernah keluar dari ketetapan yang berlaku dalam gerakan masing-masing. Maka timbul pertanyaan siapa yang mengatur itu? Pertanyaan itu menimbulkan jawab pasti pula ialah pasti ada pengaturannya kerana yang diatur itu bukan satu dua bintang atau planet tetapi berjuta-juta banyaknya, mana yang kecil, yang besar, yang jauh dan dekat — maka nyatalah dan teranglah yang mengatur itu "Maha Bijaksana" tidak pernah gagal dalam pengaturan-

nya sehingga dinamakan "Maha Suci" maha sejahtera tak punya cacat atau kelemahan sedikitpun "Maha Mengetahui" tidak mungkin bodoh, maha halus atau maha teliti.

Bintang-bintang, planet dan satelit-satelit itu tidak bertiang, maka tidak berinding, maka tidak pernah berlaga antara satu dengan yang lain. Maka timbul pertanyaan siapa gerakan yang memelihara dan mengatur perjalanannya sehingga tidak pernah accident, tentu timbul jawab pasti, pasti ada "pemelihara" kerana yang dipelihara sedemikian rupa bukannya satu atau dua bin-

Menuju
keredaan
Allah

tang, planet, satelit sahaja tetapi berjuta-juta. Maka pemeliharanya itu sungguh maha luas, tidak pernah lupa, tidak lalai, tidak tidur.

Maka itulah zat mutlak yang maha berkuasa Allah Rabil 'Alamin seperti yang sering kita baca dalam Suratul Fatihah — Alhamdulillah Rabil 'Alamin. Allah, Tuhan semesta alam yang mencipta dan mengatur alam dan isi di dalamnya.

MENGETAHUI HIKMAT DORONG KITA BERSYUKUR

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah Taala dengan mensyukuri nikmat dan rahmat-Nya kepada kita iaitu dengan cara atau melalui ibadat dan amal saleh yang seikhlas-ikhlasnya kepada Allah Taala.

Ketahuiilah bahawa berbuat syukur dan meninggalkan kufur itu tiada akan sempurna dilaksanakan melainkan terlebih dahulu kita cukup kenal akan nikmat-nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita. Alat-alat untuk kenal dan mengetahui semua itu menurut ulama ialah dengan dua alat:

I. Pendengaran dan (2) Penglihatan dengan mata hati.

HIKMAT KEJADIAN

Yang dimaksudkan dengan pendengaran di

954 lulus Sijil Ugama


BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 954 orang dari 1295 calon yang menduduki Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (Darjah VI) seluruh negara telah lulus dengan mendapat 74 peratus.

Peperiksaan tersebut diselenggarakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Pelajaran Ugama yang diadakan di empat puluh tiga buah pusat peperiksaan bermula 3 hingga 8 Disember tahun lalu.

Sebanyak enam buah sekolah ugama telah mencapai seratus peratus lulus. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Ugama Kiarong, Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata, Sekolah Ugama Jerudong (pagi), Sekolah Ugama Jerudong (petang), Sekolah Ugama Perpindahan Berakas (petang) dan Sekolah Ugama Kiudang (petang).

sini ialah mendengar ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. sebagai ikutan dan sandaran kita dan melihat dengan mata hati pula ialah memandang dan merasakan dengan kagum sesuatu yang terjadi dengan kemudian memikirkan hikmatnya. Kerana tidak ada sesuatu pun yang diciptakan oleh Allah Taala dalam alam ini melainkan ada padanya hikmat. Dan hikmat itu pula ada yang terang dan yang tersembunyi.

Tidaklah dimaksudkan untuk kita mengetahui sehabis-habisnya hikmat-hikmat itu kerana semua ini mustahil dilakukan sebab Allah sendiri pun memberitahu kita di dalam Surah Al-Isra bahawa Dia tidak memberi kepada kita ilmu melainkan hanyalah sedikit benar. Tetapi mengetahui hikmat yang zahir-zahir akan meletakkan kita di tempat orang-orang yang tahu bersyukur. Tahu akan hikmat kejadian matahari iaitu untuk mewujudkan siang yang memudahkan kita bergerak dan berkerja akan mendalami rasa



syukur kita dan kagum dengan kebesaran Allah. Demikian juga tahu akan hikmat mendung dan hujan untuk membelah bumi ini bagi bermacam-macam tumbuh-tumbuhan yang akan kita makan akan membawa lidah dan suara hati kita tertarik mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Allah. Kemudian kita kenal pula hikmat kejadian tubuh badan dan anggota. Mata

umpamanya adalah untuk melihat perkara-perkara berkebakikan, bukan untuk lain-lain. Tangan untuk memegang yang berkebakikan, bukan untuk yang lain. Kaki untuk berjalan ke tempat-tempat berkebakikan, bukan untuk yang lain-lain dan sebagainya.

Apabila kita insaf dan sedar akan hikmat dan tujuan benda-benda itu dijadikan, maka tumbuhlah

dalam hati kita rasa syukur dan kagum dengan nikmat-nikmat itu. Dan tidaklah ada yang lain dalam kepala kita melainkan rasa kagum yang hebat terhadap kebesaran dan kuasa Allah yang menjadikan semua itu.

KAGUM

Apabila rasa kagum menjalar di sanubari pasti akan tunduklah manusia ini kepada kebenaran untuk bertakwa, dan akan menggunakan nikmat-nikmat itu pada tempatnya yang betul menurut syarak. Dia tidak akan menggunakannya sama sekali di tempat-tempat yang salah atau dengan kata lain dia tidak akan mengukuri nikmat itu. Dia tidak akan memukul orang dengan tangannya umpamanya kerana berbuat yang demikian itu

mengkufuri nikmat tangan. Dia tiada akan makan haram dan minum haram kerana yang demikian itu bermakna mengukuri nikmat mulut dan perut dan lain-lain lagi.

Rahsia kita manusia ini mestilah banyak belajar, memerhati dan memikirkan tiap-tiap kejadian yang dijadikan oleh Allah Taala itu mempunyai hikmat dan rahsianya yang hebat dan besar. Dengan berbuat demikian itu insya Allah cahaya petunjuk dan hidayat kebenaran akan sampai kepada kita dengan menerima dan mensyukurinya sebagai nikmat-nikmat Allah yang mesti kita gunakan dengan betul dan tepat sebagaimana yang dituntut oleh ugama. Inilah salah satu cara lagi kita melakukan amal takwa.

Memeluk Ugama Islam

SEORANG pemuda Cina, Chung Tiam Huat, 23 tahun, berasal dari Sibu, Sarawak, Malaysia telah memeluk ugama Islam pada hari Isnin lalu bertempat di bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei. Beliau melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Abd. Kadir, Pegawai Ugama di bahagian Dakwah dan Tabligh Jabatan tersebut.

Chung Tiam Huat kini dikenali sebagai Mohamad Haris bin Abdullah.



Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 29 Februari, 1984 hingga ke hari Selasa 6 Mac, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

Hari Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
29 Feb	12.38	3.58	6.38	7.48	5.03	5.17	6.32
1 Mac	12.38	3.57	6.38	7.49	5.01	5.16	6.31
2 Mac	12.38	3.57	6.38	7.49	5.01	5.16	6.31
3 Mac	12.38	3.57	6.38	7.49	5.01	5.16	6.31
4 Mac	12.38	3.57	6.38	7.49	5.01	5.16	6.31
5 Mac	12.38	3.57	6.38	7.49	5.01	5.16	6.31
6 Mac	12.37	3.56	6.37	7.48	5.00	5.14	6.29

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai pada pukul 12.45 tengah hari.



PAMERAN MASAKAN MAKANAN ASLI BRUNEI

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menerima cenderamata berupa hasil kerjatangan dari pengurus pameran Dato Paduka Awang Haji Judin bin Asar.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan bercemar duli bagi merasmikan Pameran Kerjatangan dan Masakan Asli Brunei yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa di sini Ahad lepas.

Dalam titah perasmian, Baginda mengucapkan syabas kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa yang telah berusaha mengadakan pameran tersebut bagi menyambut sempena Perayaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Baginda berharap supaya segala yang dipamerkan pada hari itu akan memberikan galakan kepada kita semua untuk meneruskan serta mempertahankan ciri-ciri kebudayaan orang Brunei di samping melambangkan identiti bangsa Brunei.

Berangkat sama bagi menyaksikan pameran pada

hari itu ialah Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, Y.A.M. Pengiran Bini Ruhaizah dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Jawatankuasa Pameran, Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar dalam sembah ucapan alu-aluan berkata bahawa pameran yang diadakan pada hari itu bertujuan bagi mengetengahkan serba sedikit kerjatangan dan masak-masakan asli warisan Brunei yang kebanyakannya hampir luput.

Dalam usaha menimbulkan semula masak-masakan asli Brunei itu, menurut Dato Paduka Haji Judin, Jawatankuasa pameran telah pun mencetak satu buku resipi yang setebal 60 muka

yang mengandungi beberapa jenis masakan kuih-muih asli dan kerjatangan Brunei.

Sebelum Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung bagi menyaksikan pameran, Pengerusi Jawatankuasa Pameran telah menyembahkan cenderamata ke hadapan Majlis Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Kemudian Baginda dijunjung bagi menyaksikan pameran dengan diikuti oleh rombongan Diraja serta jemputan-jemputan khas.

Di antara masakan dan kuih-muih asli yang dipertunjukkan pada hari itu ialah masakan pacak, nasi kebuli, pais ikan, pais udang, ampap, kuih madu kasirat, kuripit, sakul seluruh dan kelupis. Sementara pertukangan asli yang dipamerkan termasuk lampit, tudung dulang, lakar, tekiding, nyiru, tapisan dan bakul.

Bagi menyerikan acara pada hari itu persembahan gulintangan telah dimainkan oleh Orkestra Gulintangan Badan Kebudayaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.



YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna tersenyum menyaksikan sesuatu dari hasil pameran yang ditunjukkan.



DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kelihatan begitu berminat menyaksikan bahan pameran yang ditunjukkan ini.



DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah tersenyum simpul ketika menyaksikan bahan-bahan pameran.

PAMERAN SEJARAH TAMBAH SERIKAN PERAYAAN HARI KEBANGSAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien pada petang hari Khamis 23

Februari lepas, telah berkenan berangkat bagi merasmikan Istiadat Pembukaan Rasmi Pameran Sejarah dan Perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam di Dewan

Pameran Sejarah dan Perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Peringatan Churchill.

Sejurus setelah mengurniakan sabda perasmian Kebawah Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung menyaksikan pameran yang terdapat di dewan tersebut dengan diiringi oleh Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pameran.

Terdahulu dari itu, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Teramat Mulia telah dialu-alukan dan dijunjung oleh pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa pameran.

Pengerusi Jawatankuasa Pameran, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas telah juga menyampaikan sabda alu-aluan.

Berangkat sama ke istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Putera Charles; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan kerabat-kerabat Diraja lainnya.

Hadir sama termasuklah para pembesar dan orang-orang kenamaan dari luar negeri.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan melafazkan sabda ketika merasmikan pameran tersebut.



KEBAWAH DYTm Paduka Seri Begawan Sultan berkenan membuka tirai tanda merasmikan pameran tersebut.

Pameran diharap akan menjadi sumber aspirasi

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas mengharapkan Pameran Sejarah dan Perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam akan menjadi sumber inspirasi dan pengetahuan bagi rakyat negara ini khususnya

generasi muda.

Yang Amat Mulia selaku Pengerusi Jawatankuasa pameran tersebut mengharapkan demikian dalam sabda alu-aluan di istiadat Perasmian Pameran Sejarah dan Perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Peringatan Churchill pada petang 23 Februari lepas sempena perayaan Hari Kebangsaan negara ini.

Pameran khas yang bertemakan sejarah dan perkembangan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam itu, jelas Yang Amat Mulia adalah dihasratkan sebagai pameran kekal bagi memperingati saat bersejarah tengah malam 31 Disember 1983.

Ianya sebahagian besarnya, sabda Yang Amat Mulia lagi adalah berhubung dengan berbagai perjanjian, triti dan susunan-susunan pertukaran surat yang mendatangkan kesan dari segi Perlembagaan dan struktur Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Tahun 1959, sabda Yang Amat Mulia adalah merupakan tahun yang penting dalam perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dengan wujudnya satu Perlembagaan Bertulis yang mana Perlembagaan tersebut adalah menjadi undang-undang yang tunggal bagi Kerajaan negara ini.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien selaku Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika itu, sabda

Yang Amat Mulia telah memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan perkembangan perlembagaan tersebut terutama sekali pada mencapai perubahan taraf Negara Brunei pada tahun itu sebagai sebuah negara yang berkerajaan sendiri dalam negeri.

Seterusnya Yang Amat Mulia menyatakan bahawa tengah malam 31 Disember 1983 adalah merupakan kemuncak dalam perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dengan Pemasyhuran Kemerdekaan yang dititahkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mulai 1 Januari 1984 telah mengambil alih semula taraf antarabangnya sebagai sebuah negara yang penuh merdeka lagi berdaulat.

"Pengambilan alih semula kemerdekaan itu adalah hasil pimpinan bijaksana dan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam," jelas Yang Amat Mulia lagi.

Pameran Khas itu dibahagikan kepada empat bahagian yang terdiri dari Bahagian Titi-Triti dan Perjanjian-Perjanjian Sebelum 1959; Perjanjian dan Perlembagaan Brunei 1959; Perjanjian di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom pada tahun 1971 dan 1979; dan Pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam



KERABAT-KERABAT Diraja adalah antara jemputan khas di pameran tersebut yang merupakan salah satu acara menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang pertama.

TENTERA DAN POLIS AMBIL BAHAGIAN DI HARI KEBANGSAAN

Kira-kira 300 buah Pasukan Polis bermotosikal gamatkan perarakan

BANDAR SERI BEGAWAN.

Sehari selepas Perhimpunan Agung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah bagi merayakan kemerdekaan negara ini disusuli pula dengan Perbarisan Raksasa Tentera pada pagi Jumaat lepas di mana Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berkenan berangkat bercemerdu bagi menyaksikan seramai 1,200 orang terdiri dari anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei berbaris berjalan lalu di hadapan Bangunan Kastam Diraja Brunei.

Perbarisan Ketenteraan pagi itu dianggotai oleh 700 orang dari Pasukan Polis Diraja Brunei dan 500 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan memamerkan unit cawangan masing-masing dengan turut

disaksikan oleh kira-kira 70 orang ketua-ketua negara dan kenamaan luar negeri yang diundang bagi menyaksikan upacara bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam.

Perbarisan itu didahului oleh Pasukan pancaragam dan diikuti oleh pasukan panji-panji Angkatan bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei. ABDB yang dianggotai oleh Batalion Pertama dan Kedua askar berjalan kaki, selain dari itu mereka juga memamerkan sebanyak 16 buah kereta-kereta perisai, betri pertahanan udara, askar muda, askar wanita, pasukan kenderaan, polis tentera dan juruterbang penggempur.

Dalam perbarisan tersebut seramai 144 orang anggota-anggota polis wanita juga tidak ketinggalan mengambil bahagian dengan 48 darinya memakai pakaian 'ceremonial' dan disusuli dengan 72 lainnya memakai pakaian 'working dress' polis. Kesemua



SEBAHAGIAN dari kenderaan tentera yang terdiri dari Kereta Perisai Scorpion yang turut mengambil bahagian dalam perarakan tersebut ketika melintasi pentas Diraja.

mereka membawa senjata kelengkapan sterling. Pasukan Polis Pencegah Rusuhan dan kadet polis dari seluruh negara juga mengambil bahagian. Mereka juga tidak ketinggalan memamerkan kelengkapan yang berupa kenderaan dan satu pasukan bermotosikal seramai 170 orang anggota.

Sebaik-baik saja selesai perbarisan ketenteraan pada hari itu upacara beralih pula ke Dermaga Kastam Diraja Brunei untuk menyaksikan pertunjukkan dari beberapa buah kapal dari Angkatan Laut Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei yang belayar lalu di perairan Sungai Brunei. Ini diikuti dengan beberapa buah pesawat helikopter dan dua buah kapal terbang peninjau tentera udara ABDB terbang lalu di ruang udara.



INILAH pasukan polis bermotosikal dengan pakaian seragam Polis Diraja Brunei yang mengambil bahagian menampakan peranan mereka di perarakan itu.



PASUKAN Polis Wanita juga tidak ketinggalan memperlihatkan kesegakan mereka menyandang senjata dalam perarakan tersebut.



SALAH sebuah kapal Angkatan Laut Diraja Brunei yang belayar lalu di hadapan pentas Diraja di Dermaga Kastam Diraja.

ACARA TERJUN PAYUNG KAGUMKAN PENONTON

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Salah satu acara sempena menyambut Hari Kebangsaan Negara ini ialah Pertunjukan Terjun Payung yang telah dilangsungkan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada petang hari Sabtu lepas.

Beberapa anggota terjun payung dari negara-negara ASEAN turut menyertai pertunjukan itu yang antaranya lima orang peserta termasuk dua orang darinya adalah wanita dari Indonesia.

Manakala Malaysia, Singapura, dan Thailand masing-masing menghantar lima orang peserta lelaki, sementara negara tuan rumah mengemukakan 10 orang peserta.

Para peserta memulakan acara terjun payung melalui sebuah pesawat helikopter Angkatan Udara Diraja Brunei dengan dimulai oleh pasukan Indonesia dan seterusnya lain-lain negara. Semasa di udara semua peserta memperlihatkan kecekapan mereka di samping mengibarkan bendera negara ASEAN.

Mengakhiri pertunjukan ialah pasukan dari negara kita yang menggunakan payung

warna bendera kebangsaan negara serta mengeluarkan kumpulan asap yang berwarna-warni dan mendarat dengan selamat di tengah-tengah padang taman.


Selesai pertunjukan, Putera sulung Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat untuk menerima diperkenalkan dari semua peserta payung terjun.

Pada waktu yang sama satu perarakan raksasa terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, mukim-mukim, kampung-kampung, serta persatuan-persatuan belia dari 65 buah pasukan telah berjalan di jalan-jalan utama ibu negara dan berakhir di tanah lapang bekas rumah sakit lama.

Di samping perarakan tersebut, sebanyak 40 buah kereta-kereta berhias juga telah mengambil bahagian dan juga persembahan kebudayaan penduduk-penduduk daripada berbagai bangsa di negara ini.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah berkenan menerima perkenalan dengan anggota terjun payung yang telah memperlihatkan ketangkasan mereka beraksi di udara sempena perayaan Hari Kebangsaan.



SEBAHAGIAN dari anggota terjun payung selamat mendarat di kawasan yang ditentukan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Doktor Udara

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Rombongan perkhidmatan perubatan udara akan meneruskan lagi lawatan ke kawasan pedalaman Mac ini.

Bagi Daerah Tutong, rombongan itu akan melawat ke Kampong Benutan pada 5.3.84, Kampong Mapol Baru pada 6.3.84, Kampong Ukong pada 13.3.84 sementara Kampong Belabau pula pada 19.3.84, Kampong Supon Besar pada 21.3.84, Kampong Long Mayan dan Kampong Supon Kecil serentak pada 26.3.84 dan Kampong Bukit pada 27.3.84.

Bagi Daerah Belait pula rombongan itu akan melawat Kampong Sukang pada 14.3.84 sementara Kampong Melilas pada 20.3.84 dan seterusnya ke Kampong Teraja dan Apak-Apak serentak pada 28.3.84.

Di Daerah Temburong pula, Kampong Lopat akan dilawati pada 7.3.84 dan serentak ke Kampong Biang Menengah dan Lamaling pada 12.3.84.



PARA anggota terjun payung bergambar ramai setelah selesai saja mempertunjukkan kecekapan masing-masing beraksi di udara.

BEBERAPA orang anggota terjun payung dari negara kita memperlihatkan aksi mereka di udara dalam pertunjukan tersebut.

Persantapan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berbual-bual mesra dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia ketika berlangsungnya Persantapan Diraja di Istana Nurul Iman sempena Hari Kebangsaan negara kita baru-baru ini.



TYT Presiden Suharto, Ketua Negara Indonesia dan Ibu Tien Suharto serta lain-lain ketua negara yang diundang di Hari Kebangsaan negara ketika menghadiri Persantapan Diraja di Istana Nurul Iman.



DAN Yang Amat Berhormat Datuk turut diundang menghadiri Persantapan Diraja di Istana Nurul Iman.

raja sempana sambutan Hari Kebangsaan Negara



GAMBAR atas: KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Kerabat-Kerabat Diraja, ketua-ketua negara asing, ketua-ketua kerajaan serta lain-lain kenamaan dalam dan luar negara menadah tangan mengaminkan doa ketika berlangsungnya Persantapan Diraja di Istana Nurul Iman. Gambar kiri, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna adalah antara Kerabat Diraja yang berangkat di Persantapan Diraja baru-baru ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam (gambar atas) ketika bertitah di Persantapan Diraja sempena Hari Kebangsaan Negara dan gambar bawah — D.Y.T.M. Putera Charles dari United Kingdom, D.Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan adalah juga di antara Kerabat Diraja dalam dan luar negeri yang berangkat di Persantapan Diraja tersebut.



hathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia serta isteri dan lain-lain ketua kerajaan ASEAN lain-lain kerajaan juga sempena Hari Kebangsaan negara.





INILAH antara salah satu wajah ibu negara di waktu malam sempena perayaan Hari Kebangsaan di mana bangunan-bangunan yang ada dihiasi indah dengan lampu berwarna-warni manakala jalan-jalan diterangi oleh cahaya lampu. Kelihatan juga sepanjang malam itu sinaran gemerlapan dari pancaran bunga api yang dimainkan di pusat ibu negara.



BARISAN pekerja-pekerja dari Jabatan Pertanian turut menyertai perarakan carnival di ibu negara dengan membawa salah satu alat pertanian di belakang masing-masing.

LEBIH 14000 AMBIL BAHAGIAN DI ACARA PERARAKAN CARNIVAL



SALAH sebuah kereta berhias yang mengambil tempat dalam perjalanannya mengelilingi ibu negara ketika menyertai perarakan carnival pada sebelah petang hari Sabtu yang baru lalu.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 3 hingga 6 Mac 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Jerudong	3.3.1984	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Pusat Tahanan Jerudong	3.3.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkuring	3.3.1984	Sabtu	2.30-3.00 petang
Sekolah Agama Sengkuring	3.3.1984	Sabtu	3.15-4.15 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	3.3.1984	Sabtu	8.30-9.30 pagi
Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut	3.3.1984	Sabtu	4.30-5.30 "
Di hadapan Rumah Penghulu Mukien Serasa	4.3.1984	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara	4.3.1984	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Pekan Muara	4.3.1984	Ahad	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Inggeris Berakas (Bhe, Rendah)	5.3.1984	Isnin	2.00-3.00 petang
Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan, Berakas.	5.3.1984	Isnin	3.30-4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	6.3.1984	Selasa	8.30-9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lumbak	6.3.1984	Selasa	10.30-11.30 "



PEMANDANGAN dari udara, Stadium Negara Hassanal Bolkiah ketika berlangsungnya upacara pertama Perayaan Hari Kebangsaan Negara pada pagi hari Khamis minggu lalu di mana peserta-peserta yang mengambil bahagian sepakat membentuk lambang panji-panji bendera negara kita.



LAGI sebuah kereta berhias indah yang menyertai perarakan carnival di ibu negara yang dipunyai oleh Jabatan Kerja Raya.



SALAH satu puak asli negara ini yang sama-sama tidak ketinggalan menjunjung kedaulatan negara berarak dengan pakaian asli mereka di perarakan carnival di ibu negara baru-baru ini.



KERETA berhias ini berbentuk sebuah kenaikan di air dengan diberi nama BAHTERA MERDEKA berarak mengelilingi ibu negara.

Dari muka 6

Menyentuh mengenai hubungan dengan ASEAN, Baginda menjelaskan Brunei merasa beruntung mempunyai jiran-jiran dalam ASEAN di mana Brunei menjadi ahli dan dengan mana Brunei mempunyai persamaan pandangan dan tujuan.

Sebagai sebuah negara Komanwel pula Brunei dapat meneruskan hubungan-hubungan yang ada dengan negara-negara yang sedia mempunyai hubungan dengan Brunei melalui pertaliannya dengan United Kingdom.

Sebagai sebuah negara Islam beraja, Brunei menghargai rasa persahabatan yang dihulurkan oleh negara-negara

Islam terhadap Brunei.

Titah Baginda, Brunei juga menghargai sembah ucapan tahniah yang disampaikan oleh negara-negara yang mempunyai hubungan persahabatan sejak kemerdekaan Brunei Darussalam.

Ianya tegas Baginda telah membantu melicinkan dan membolehkan peralihan Brunei menjadi sebuah negara merdeka secara aman.

Dengan rasa persahabatan dan muhibah dari masyarakat antarabangsa terhadap Brunei, Baginda yakin Brunei akan boleh mencapai kemajuan ekonomi dan rohani untuk rakyatnya dan untuk bekerjasama bagi keamanan, kemajuan dan kemakmuran di seluruh dunia.



DAN ini juga sebahagian dari puak asli negara kita yang bersama memeriahkan perayaan Hari Kebangsaan Negara di perarakan carnival.

RTB

Intisari minggu ini

RADIO MINGGU INI:

RADIO DAN PENDENGARNYA

Oleh: Matussin Hj Tahir

MENYINGKAP di sepanjang tahun-tahun yang lalu, pihak radio telah pun membuat satu pendekatan tinjauan (survey) mengenai dengan radio dan pendengarnya.

Dalam pendekatan itu, radio telah pun dapat merapatkan lagi dirinya dengan masyarakat. Apalagi perkara yang berhubung dengan rancangan-rancangan radio yang telah pun dikeudarkan.

Di akhir tahun-tahun 50-an membawa ke 60-an, apalagi hingga ke saat ini rancangan yang paling atas mengambil tempat dalam masyarakat setempat kita ialah rancangan-rancangan yang berbentuk DRAMA/CERITA.

Sandiwar Radio merupakan rancangan yang paling atas digemari dan diminati oleh pendengar-pendengarnya diikuti oleh Citrawara, Drama Masyarakat, Cerpen dan Selukan dan Ruangan Ketani.

Ianya bukan sahaja diminati rata-rata oleh golongan

muda, akan tetapi sebilangan juga diminati oleh golongan tua dan kanak-kanak.

Sementara rancangan-rancangan yang berbentuk UGAMA di tempat kedua seterusnya HIBURAN & POPULAR MUZIK dan GENERAL APPEAL masing-masing dengan kedudukannya yang tersendiri diminati oleh pendengar-pendengar di negara kita ini.

Dari rangka penelitian ke arah pendekatan ini hampir 80% dari jumlah para pendengar yang mengirimkan pendapatnya terdiri dari golongan belia yang dalam lingkungan umur 20 tahun ke bawah.

Rancangan-rancangan lain seperti rancangan Untuk Para Tani merupakan rancangan yang paling kurang diminati dan ditempatkan di tangga yang paling bawah dari prancangan yang sedia ada dalam putaran mingguan rancangan radio.

Akan tetapi yang paling menghairankan pula ialah rancangan Untuk Para Belia. Di mana rancangan ini menduduki tempat kedua paling bawah daripada rancangan-rancangan yang ada di radio.

Jika diamat-amati, kita rasa tentu kurang yakin bahawa rancangan Untuk Para Belia ini tidak mengambil tempat di hati peminat-peminatnya. Sebab kita maklum, purata peminat-peminatnya adalah terdiri para belia itu sendiri.

Walaupun bagaimanapun, dalam jangkaan seperti ini mungkin kita dapat memahami tentu ada 'something wrong' terhadap rancangan yang berkenaan ini.

Namun begitu rancangan yang bercorak keagamaan telah mula mengambil tempat di hati peminat-peminat dan pendengarnya. Jika kumpulan drama dan cerita mengambil tempat yang paling atas, maka bahagian ugama ini juga

tidak kurang tempatnya. Apa lagi dewasa ini, bentuk dan corak pengendalian rancangan ini kian pesat diolah oleh pihak pengendalinya itu sendiri. Besar kemungkinan rancangan seperti ini akan mengambil tempat yang paling atas pada satu ketika nanti.

Menyentuh tentang rancangan-rancangan pencerangan dan pendidikan di mana kumpulan ini telah disenaraikan dalam kumpulan 'General Appeal'. Dalam mana didapati rancangan yang tersenarai dalam kumpulan ini agak kurang menarik minat para pendengarnya.

Perkara ini mungkin disebabkan para pendengar itu sendiri kebanyakannya datang dari para belia remaja yang kalau dikira mempunyai tendensi yang amat berbeza dengan segala kemahuan dan kehendak mereka. Sama ada kehendak nafuri ingin tahu, nafuri keremajaan yang banyak pula ragamnya dan bermacam-macam lagi.

Jika pun ada yang berpendapat dan mungkin mengatakan bahawa mutu atau teknik persembahan rancangan yang dikeudarkan itu belum mencapai tahap yang dikehendaki dalam dunia penyiaran. Maka pihak radio akan sentiasa menerima teguran yang membina seperti itu dan akan cuba mengatasi di mana kelemahan yang timbul dan akan pula berusaha untuk meningkatkan mutu perancangan dari semasa ke semasa dan selaras dengan kehendak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan keperluan masyarakat yang bernaung di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam. Kerjasama yang erat dan perhatian yang khusus dari pendengar-pendengar radio itu adalah merupakan saluadipenggerak dalam melutani mutu persembahan rancangan radio.



GENE Nelson dan Virginia Mayo dalam tayangan gambar akhir Sabtu depan — 'She's Working Her Way Through College'. Filem ini juga dibintangi oleh Ronald Reagan, Presiden Amerika sekarang.



Drama Televisyen:

PENANTIAN "1"

MULAI Jumaat ini 2 Mac 1984 tiga minggu berturut-turut, peminat-peminat drama tanahair akan berpeluang mengikuti drama bersiri yang berjudul PENANTIAN hasil karya A. Mohammad Haji Timbang, Brunei.

Setelah dibebaskan dari tahanan, Sazali merasa kagum akan perubahan dan perkembangan Negara Brunei Darussalam. Tidak seperti yang ditinggalkannya kira-kira belasan tahun dahulu.

Penyesalan bersarang di hati Sazali kerana teruskan bujukan sehingga ianya terlibat di dalam per-

istiwa 62.

Sazali bertekad mahu menjumpai bekas isterinya dan juga anaknya. Hasratnya ini sering dilahirkannya kepada sahabatnya Haji Dollah.

Zaki sering menjadi bahan usikan emak dan neneknya supaya Zaki berkahwin kerana mementingkan umurnya sudah layak mendirikan rumah tangga. Neneknya mencadangkan untuk menjodohkan Zaki dengan sepupunya. Zaki memberitahu supaya neneknya dan emaknya bersabar saja.

Gambar atas sejurus sebelum penggambaran dijalankan.

DENDANG REMAJA

DI KELUARAN kesembilan minggu ini awda akan dihiburkan oleh Abdul Aziz Abdul Hamid (Juara Bintang Remaja 83) dan Rohaya Haji Murni. Jangan lupa siarannya hari Jumaat 2 Mac jam 5.00 petang.



ABD AZIZ



ROHAYA

TETAMU RADIO

MENERUSI rancangan tetamu radio minggu ini awda akan berpeluang mengikuti temubual Zainab Haji Mohd Taha, dengan penyanyi tempatan kita Zulkifle Butir, rancangan terbitan Salmah Haji Abdul Rahman akan ke udara pada hari Ahad jam 5.00 petang.



Dari Pendengar Untuk Pendengar



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini menampilkan peserta dari No. 24, Kampung Baru, Sibul, Sarawak iaitu Awang Idris bin Osman.

Awang Idris telah berkesempatan memilih tujuh buah lagu untuk santapan dan hiburan awda yang meminati rancangan ini. Rancangan ini akan ke udara pada hari Selasa 6 Mac jam 4.00 petang. Rancangan ini diterbitkan oleh Hasnan Suhadi.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 29 FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FRAGGLE ROCK
- 4.55 THE INCREDIBLE HULK
- 5.20 DIFFERENT STROKES
- 5.45 3 2 1 CONTACT
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 3 2 1 CONTACT — sambungan
- 6.15 TEKA TEPAT
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 REMINGTON STEELE : "Steele In The News"
Sebuah stesen TV mendapat pujian tinggi setelah mengubah format beritanya menjadi persembahan yang menarik tetapi pengurusnya pula mengupah Luara dan Remington untuk menyiasat siapa yang menghemburkan ancaman yang masih lagi mereka terima itu.
- 7.48 AZAN ISYAK
- 7.53 REMINGTON STEELE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 APANYA KATANI
- 10.05 ROAD TO WEMBLEY : "Shrewsbury lwn Ipswich"
- 10.55 TAYANGAN GAMBAR : "The Ghost And Mr. Chicken"
Seorang pengatur huruf surat khabar di sebuah bandar kecil bercita-cita untuk menjadi pemberita. Gembira dan menakutkan begitulah liku-liku yang dihadapi sebelum mencapai kejayaannya. Pelakon-pelakon : Don Knotts, Joan Stanley, Lian Redmond, Dick Sargent, dll.
- 12.30 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 1 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 TAKE HART : "Reflections"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SISTEN EJAAN BARU (Ulangan)
- 6.25 WORLD OF SURVIVAL : "Sea Of Eden"

RANCANGAN TVP—dari 5 Mac hingga 7 Mac 1984

ISNIN — 5 MAC

PAGI

- 8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Biji Benih dan Percambahan 2)
Biji Benih memerlukan beberapa perkara untuk bercambah. Salah satu darinya ialah air. Air dapat memerlukan makanan yang terdapat di dalam kotilidan dan dihantar ke tunas biji.
Untuk mengetahui selanjutnya akan perkara-perkara yang dikehendaki oleh biji benih untuk bercambah, ikutilah rancangan ini nanti.
- 9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Parts of My Body)
Rancangan ini mengajar murid-murid nama-nama bahagian badan. Beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'h' juga diajarkan dan dua teka-teki juga dimuatkan dalam rancangan ini.
- 10.35 SAINS UNTUK DARJAH 5 (Binatang Tidak Bertulang Belakang)
Apakah yang membolehkan badan

Palau ialah sekumpulan pulau-pulau di Western Pacific kira-kira 500 batu dari Philippines yang mengandungi beranika macam batu karang dan ikan-ikannya. Kehidupan penduduknya seramai 14000 orang itu bergantung kepada hasil dari laut. Palau sekarang menghadapi ancaman kehilangan suasana semula jadinya kerana satu konsortium akan membina sebuah pelabuhan air dalam untuk kapal-kapal tangki minyak sehingga 500,000 ton beratnya.

- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.48 WORLD OF SURVIVAL — sambungan
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE A TEAM : "Pros And Cons"
Hannibal dan kawan-kawannya berkumpul untuk melepaskan kawan B.A. dari sebuah penjara di nama banduan-banduannya dipaksa beradu kuat dan di"sabung" sampai mati.
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.54 THE A TEAM — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 HAWAII FIVE-O : "Hard Scope For Murder"
- 10.35 PAUL HOGAN SHOW
- 11.05 CHICAGO STORY : "Not Quite Paradise" Bgh. IV (Episod Terakhir)
- 11.55 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 2 MAC

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

- 1.25 ROAD TO L.A. : "Discus, Canoe and Dressage"
- 2.20 BINTANG KECIL SEPAPUH AKHIR (Ulangan)
- 3.05 ROAD RUNNER SHOW
- 3.30 IN SEARCH OF : "In Search Of The Bermuda Triangle Pirates"
Kapal-kapal layar mewah hilang begitu saja di laut pantai Florida. Adakah mereka itu menjadi mangsa lanun-lanun yang membawa dadah? Hos rancangan Leonard Nimoy membuat penyiasatan.
- 3.57 AZAN ASAR
- 4.00 THUNDERBIRDS
- 4.30 YOU ASKED FOR IT
- 5.00 OMNI, THE NEW FRONTIER
- 5.25 KONONNYA
- 5.50 CAPTAIN AMERICA

SELASA — 6 MAC

PAGI

- 9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Parts of My Body)
- 10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Biji Benih dan Percambahan 2)

RABU — 7 MAC

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Binatang Tidak Bertulang Belakang)
- 9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Parts of My Body)

- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BENJI "U.F.O."
- 6.25 TEKA TEPAT
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE PAPER CHASE
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.54 THE PAPER CHASE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.
- 8.45 PERARAKAN KERETA BERTIAS (Ulangan)
- 9.45 DRAMA : "Penantian" Bgh. I
- 10.15 DALLAS : "The Quality Of Mercy"
Bobby mengharapkan "mukzijat" untuk menewaskan J.R. dalam pertelingkahan mereka terhadap Ewing Oil.
- 11.05 WKRP IN CINCINNATI : "Jennifer Moves"
- 11.35 MAGNUM : Luther Gill's File"
- 12.25 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 3 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 GILLIGAN'S PLANET : "Turnabout Is Fair Play"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 EDGE OF THE COLD : "The Dominant Male"
- 6.25 JENNIFER SLEPT HERE : Siri komidi baru menggantikan rancangan Pvt. Benjamin.
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.48 JENNIFER SLEPT HERE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 T. J. HOOKER : "The Empty Gun"
Hooker bingung memikirkan sikap rakannya sekerjanya Romano yang dibidas oleh pegawai-pegawai polis yang lain kerana tidak mahu menembak pembunuh yang telah menembak mati seorang polis.
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.54 T. J. HOOKER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MEMASAK : "Acar Rebung"
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhir ini.
- 9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Butet"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "She's Working Her Way Through College"
- 12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 4 MAC

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 GEORGE OF THE JUNGLE
- 2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
- 3.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.57 AZAN ASAR
- 4.00 SMURF
- 4.30 DOC. : AROUND THE WORLD WITH BRIAN ADAMS
- 5.00 APANYA KATANI (Ulangan)
- 5.45 SPIDERMAN AND HIS AMAZING FRIENDS
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 ALICE : "The Bundle"
Flo menjumpai wang \$40,000 dalam bungkus yang tertinggal di kedai makan mereka. Bagaimanakah mereka menghadapi masalah itu? Setiap mereka meyakinkan Alice bahawa wang itu menjadi hak mereka.

- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.48 ALICE — Sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MATT HOUSTON : "Heritage" Bgh. I
Dalam siri kejadian-kejadian ganjil, Matt Houston mendapati dirinya mempunyai dua orang ayah dan seorang musuh yang merbahaya bernama — Matt Houston!
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.56 MATT HOUSTON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI DEWAN RAYA
- 9.20 FORUM
- 10.20 TEACHERS ONLY
- 10.50 DOKUMENTARI : Fighter Pilots — "Officer And Gentlemen"
- 11.20 ENGLISH DRAMA : "Don't Touch Him, He Might Resent It"
- 12.10 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 5 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN AND MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 5.30 NEPTUNE JOURNALS : "Spirits Of The Deep" Bgh. I
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NEPTUNE JOURNALS —
- 6.25 TEKA TEPAT
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAPPER JOHN M.D. : "South Side Story" (Episod Terakhir)
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.54 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.35 BINTANG KECIL — SEPAPUH AKHIR
- 10.05 THE COMMANDING SEA : "Men Of War"
- 10.55 BLOOD FEUD
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 6 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 CANTINFLAS
- 5.00 BUGS BUNNY SHOW
- 5.25 CAMP WILDERNESS : "Flight Through Time"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WHIZ KIDS — sambungan
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.48 WHIZ KIDS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SCARECROW AND MRS. KING
- 7.48 AZAN ISYAK
- 7.53 SCARECROW AND MRS. KING — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 9.35 SISTEM EJAAN BARU
- 10.05 ARENA SUKAN
- 10.05 DYNASTY : "Dex"
Jeff merampuk masuk ke pejabat Alex sambil menuduhnya hendak meracunnya (Jeff). Alex menolak tuduhan itu.
- 10.55 TAYANGAN GAMBAR : "Green Eyes"
Seorang bekas Askar Amerika di Vietnam mendapati hidupnya bosan dengan masa depan yang tidak menentu pergi balik ke Vietnam untuk mencari seorang anak lelakinya yang ditinggalkannya. Pelakon-pelakon : Paul Winfield, Rita Tushingham, Jonathan Lippe, dan lain-lain.
- 12.25 SIARAN TAMAT.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (tiap-tiap hari Jumaat)

3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

MENTIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU

29 FEBRUARI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Dari Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Mustika Nilam Bahari siri ke-5), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.00 — Hiburan Malam.

HARI KHAMIS

1 MAC

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Hiburan, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT

2 MAC

PAGI: 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran, 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: Selingan Irama, 1.45 — Lagu-Lagu Instrumental.

PETANG: 2.00 — Citra Dalam Syair, 2.30 — Hiburan, 3.15 — Diang Dangan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 Hiburan Malam, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Senandung Malam.

HARI SABTU

3 MAC

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 —

Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Pertandingan Bintang Kecil Daerah Brunei/Muara siri ke-4.

PETANG: 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD

4 MAC

PAGI: 9.30 — Taman Mekar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Dendang Remaja (SU), 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Hiburan, 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN

5 MAC

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin, PETANG: 2.30 — Citra Dalam Syair (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Hiburan Petang, 4.15 — Ruangan Kitani, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Hiburan Malam (SU), 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keromcon, 9.00 — Hiburan Malam, 9.30 — Kutjukan Lagu.

HARI SELASA

6 MAC

PAGI: 9.00 — Suara Parajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Kitani (SU), 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Talking About Music
8.30 Hello Tomorrow
9.00 Popular Classic — 4/12.
9.30 Classic Half Hour — 4/12.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 World Theatre: "The Tempest" by William Shakespeare (side 1 of 2).
9.30 The Kinsey/Dankworth Big Band.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Brunei Traditional Music (repeat)
11.15 Light Music From The Netherlands — 569/604.
11.30 Children's half hour.

NOON

12.00 Top Tunes — 7/18.
12.45 My Music — 290/436.

P.M.

1.15 Book Music: Clinging to the Wreckage — 10/10.
1.30 Break For Music with Malay Traditional Songs 9/13.
1.45 Sixty-Minute Theatre: "Tell It The Way It is" by Ronald Summerfield.
2.45 Just For Variety.
4.00 Chinese Programmes.
8.00 The World of Books.

8.30 Up the Belait River Without A Paddle — with guest this week: Miss M. Halliday — 133.

9.00 Perspective

9.30 A Date with ... (repeat)

Saturday

P.M.

2.00 Just For Variety.
3.00 Gurkhal Programmes.
8.00 Melody Time.
8.30 Animal, Vegetable and mineral — 8/30.
9.00 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1004.

Sunday

A.M.

11.00 Brunei Darussalam: "The National Day Celebration" — 2.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.

NOON

A Date with
12.00 Review of the Week.
12.45 Top of The Pops — 1004 (repeat).

1.30 Weekend Greetings.
2.30 Brunei Traditional Music.
2.45 An Educational Feature on Language "Baby Talk" 3/5.
3.30 Just For Variety.

P.M.

8.00 Brunei Darussalam Programme — 2 (repeat).
8.30 Beautiful Music — 2/60.
8.45 BBC Science Magazine.
9.30 Frank Muir Goes Into: "Cruelty" — 61.

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: The Fall of The House by Edgar Allan Poe.
8.45 Neil Richardson Presents — 5/12.
9.30 A Play On Words — 36.

Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You.
9.00 In Sentimental Mood.
9.30 Stereo Pop Special: The Michael Schenker Group — side 2.

Daily

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and its translation.
6.45 Berita Perdana followed by Patriotic Song, Brunei's AM Kelcome, Weather Forecast Brunei ni History.
7.30 Local News, tide times.
7.35 Brunei's AM (continued).
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.

NOON

12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.

2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays.
4.00 Close down for morning transmission on Fridays and Sundays.

P.M.

9.15 News.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sebagai Tukang Masak

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG MASAK di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: E. 1-2-3 EB. 4 \$410-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon lelaki dan perempuan mestilah berumur tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di Mess/Kantin atau Restoran.
- Pemohon-pemohon hendaklah disertakan bersama-sama dengan surat-surat akuan jika ada.
- Pemohon-pemohon adalah dikehendaki menjalani ujian memasak nanti.
- Mereka yang mempunyai Sijil City and Guilds 855 daripada Pusat Latihan Teknikal dan mempunyai

pengalaman memasak makanan Melayu, Cina dan Inggeris adalah satu kelebihan.

Calon-calon yang berjaya dikehendaki bertugas di Kompleks Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha, Kiulap.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 10 Mac, 1984. (E/445/72)

(Bilangan iklan: 5/1984).

Sebagai Operator (Telefon)

Calon-calon hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang kerjasama, telah lulus dalam peperiksaan Kemajuan Kerjasama, dan telah berkhidmat sebagai Penyelia dalam Jabatan Kemajuan Kerjasama sekurang-kurangnya selama tiga tahun. Pengalaman praktikal dalam pentadbiran, penyimpanan serta pengauditan kira-kira syarikat kerjasama adalah perlu.

Tugas-tugas :

Pemegang jawatan ini akan bertanggungjawab untuk membantu Ketua Bahagian Penyeliaan Daerah bagi perkembangan serta kemajuan syarikat-syarikat kerjasama

di satu-satu daerah, dan memberi bimbingan serta tunjuk ajar kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Syarikat Kerjasama di bawah jagaannya. Dia hendaklah sanggup dan bersedia menjalankan tugas di kampung-kampung dan kawasan pedalaman di luar masa pejabat dan hari-hari kelepasan, jika perlu.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup : 14 Mac, 1984. (E/899/74)
(Bilangan iklan : 1/1984).

Sebagai Penolong Pegawai Menguasai Lalulintas Udara

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PEGAWAI YANG MENGUASAI LALULINTAS UDARA di Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : D. 3 EB. 4 — \$720-\$1175 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Mempunyai Sijil Am Pelajaran (Peringkat Biasa) Brunei Cambridge atau kelayakan yang sebanding dengannya dengan mendaftar keujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fizik.

b) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris.

c) Berumur antara 18 hingga 25 tahun.

d) Mempunyai darjah kesihatan yang memenuhi syarat-syarat ICAO bagi pegawai-pegawai kawalan Terakif Udara. Sebaik-baiknya mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal-hal penerbangan. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil Am Pelajaran (Peringkat Lanjutan).

Peluang Kenaikan Pangkat :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik mula-mula dalam percubaan selama 5 tahun dan dikehendaki lulus peperiksaan jabatan sebelum ditetapkan dalam jawatan tetap. Peluang yang baik terbuka kepada mereka untuk dinaikkan pangkat ke peringkat Pegawai Pengawal Lalulintas Udara yang akan meliputi

latihan sebarang laut dan latihan penerbangan sebagai juruterbang hingga ke peringkat Private Pilot Licence.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 14 Mac, 1984. (E/868/72)
(Bilangan iklan : 20/1984).

Penolong Pegawai

Peperiksaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untuk dilantik sebagai PENOLONG PEGAWAI PEPERIKSAAN di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Tanggagaji : T.3 — \$1240-\$1800 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

i) Hendaklah mempunyai kelayakan salah satu perkara berikut :—

a) Mempunyai sijil kursus Perguruan Ugama atau Maktab Perguruan dan telah berkhidmat sebagai guru ugama di Negara Brunei Darussalam tidak kurang dari 10 tahun,

b) Guru-guru ugama yang tidak mempunyai Sijil Kursus Perguruan Ugama atau Maktab Perguruan hendaklah berkhidmat tidak kurang dari 15 tahun.

ii) Hendaklah mempunyai pengalaman yang luas dalam pekerjaan dan pentadbiran peperiksaan-peperiksaan yang dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 10 Mac, 1984. (E/871/77)
(Bilangan iklan : 13/1984).

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TENDER NOTICES SUPPLY OF DROP WIRE No. 6

TENDERS are invited for the supply of Drop Wire No. 6.

Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam not later than Monday, 26th March 1984.

Detailed Tender documents can be obtained from the Director of Telecommunications, 1st floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, on the payment of a deposit of \$1,000.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers, who submit a valid tender.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

The tenderer must provide sample of the Drop Wire of not later than 2 metres offered.

The sample must be delivered by the tenderer at his own expense to the Director of Telecommunications, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, not later than 7 (seven) days after the closing of the tender.

Tender which is not supplied with sample will be invalid. Deposit is forfeited for invalid Tenders.

SUPPLY OF SWITCHBOARD CABLE

TENDERS are invited for the supply of PVC Switchboard Cable.

Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam not later than Monday, 26th March 1984.

Detailed Tender documents can be obtained from the Director of Telecommunications, 1st floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, on the payment of a deposit of \$1,000.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers, who submit a valid tender.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

The tenderer must provide sample of the PVC Switchboard Cable.

The sample must be delivered by the tenderer at his own expense to the Director of Telecommunications, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, not later than 7 (seven) days after the closing of the tender.

Tender which is not supplied with sample will be invalid. Deposit is forfeited for invalid Tenders.

ROYAL CUSTOMS & EXCISE DEPARTMENT MOTORBOAT ENGINES

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, up to 12th March 1984 on 12.30 for the supply and delivery to the Royal Customs & Excise Department, Bandar Seri Begawan, Brunei of the undermentioned Motorboat Engines.

1. Specifications of Engine

1. 140 h.p. (Single)

2. 85 h.p. (Twin)

2. Tenderers are requested to catalogue for the engine to be offered together with their quotations and tenders. All

prices quoted must be on C.I.F. Brunei basis.

3. Date of delivery to be stated.

4. Tenders received after this time will be rejected.

5. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked: "MOTORBOAT ENGINES." The name of the tenderer must not appear on the envelope.

6. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board at the Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

7. The lowest or any tender will not necessarily be accepted.

Pemberitahuan Tawaran — Jabatan Lembaga Bandaran, Brunei

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Mac, 1984.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama perkara-perkara yang ditawarkan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL. 1 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan untuk melaksanakan perkara berikut bagi satu musim selama 12 bulan :

PEMOTONG RUMPUT DAN BELUKAR DALAM KAWASAN LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 10 Mac, 1984.

Cagaran tawaran : \$500.00

BIL. 2 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan untuk melaksanakan perkara berikut bagi satu musim selama 12 bulan :

PEMOTONG RUMPUT DAN BELUKAR DALAM KAWASAN LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PEMBEKALAN TONG SAMPAH KEPADA LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 10 Mac, 1984.

Cagaran tawaran : \$100.00

BIL. 3 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan untuk melaksanakan perkara berikut bagi satu musim selama 12 bulan :

MEMBEKAL TUTUP LONGKANG KEPADA LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 10 Mac, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00

BIL. 4 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan untuk melaksanakan perkara berikut bagi satu musim selama 12 bulan :

MEMBEKALKAN MESIN RUMPUT BERSIKUT (KNAPSACK TYPE) DAN MESIN RUMPUT BERSORONG (LAWN MOWER) KEPADA LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 10 Mac, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00

BIL. 5 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan untuk melaksanakan perkara berikut bagi satu musim selama 12 bulan :

MEMBEKALKAN KARPAS PLASTIK SAMPAH KEPADA LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 10 Mac, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00

WAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 10 Mac, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00

BIL. 6 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan untuk melaksanakan perkara berikut bagi satu musim selama 12 bulan :

MEMBUAT PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 10 Mac, 1984.

Cagaran tawaran : \$100.00

BIL. 7 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan untuk melaksanakan perkara berikut bagi satu musim selama 12 bulan :

MEMBEKALKAN KENDERAAN - KENDERAAN UNTUK LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 10 Mac, 1984.

Cagaran tawaran : \$500.00

BIL. 8 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan untuk melaksanakan perkara berikut bagi satu musim selama 12 bulan :

TAWARAN DHABI BAGI RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei semasa pejabat dibuka sehingga hari Sabtu, 10 Mac, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00

TAWARAN KANTIN RADIO TELEVISYEN BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Tingkat 4 - Jabatan Kementerian Kewangan Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Isnin 26 Mac, 1984 Jam 12.00 tengah hari bagi MENYEWA MENJALANKAN PERNIAGAAN KANTIN RTB DALAM TEMPOH 2 TAHUN (dari mula menjalankan perkhidmatannya).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan. Tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat biasa yang tertutup tanpa membubuhkan tanda-tanda nama Syarikat pembekal kecuali nama TAWARAN KANTIN RADIO TELEVISYEN BRUNEI.

3. Syarikat-syarikat hendaklah menghadapkan senarai harga barang-barang jualan masing-masing.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI KERANI JURUBAHASA

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai KERANI/JURUBAHASA di Biro Mencegah Rasuah, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5—\$720-\$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge (Peringkat B), atau yang sebanding dengannya, dengan mendapat kelulusan sekurang-kurangnya dalam 3 mata pelajaran termasuk Bahasa Inggeris.

b) Mereka mestilah fasih dalam Mandarin dan 2 loghat Cina, misalnya Hokkien dan Cantonese, serta boleh membaca dan menulis Mandarin.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan yang disebutkan di perenggan (a) di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta mempunyai kebolehan menterjemah dari Mandarin dan 2 loghat Cina yang lain, seperti Hokkien dan Cantonese, ke Bahasa Inggeris dan sebaliknya boleh juga dipertimbangkan.

d) Calon-calon yang fasih dalam Bahasa Melayu mempunyai suatu kelebihan.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan dilantik secara kontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah tertakluk kepada persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan n n mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 1 Mac, 1984.

(Bil. Iklan : 15/1984).

(E/1067/83).

Sebagai Merinyu Kesihatan Percubaan

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai MERINYU KESIHATAN PERCUBAAN, di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan dan Pengalaman : Pemohon-pemohon berumur antara 18 hingga 30 tahun, mestilah telah lulus peperiksaan Brunei Cambridge G.C.E. 'O' iaitu Bahasa Inggeris, Melayu dan satu mata pelajaran Sains atau kelulusan yang sebanding yang boleh diterima untuk latihan lanjutan.

MERINYU KESIHATAN PERCUBAAN:—

Tanggagaji : D. 3 EB. 4 — \$720-\$1175 sebulan.

Calon-calon yang berjaya akan dihantar ke seberang Laut untuk mendapatkan Diploma Merinyu Kesihatan daripada Royal Society of Health dengan menjalani Latihan dalam Perkhidmatan selama 18 bulan.

Setelah menamatkan latihan bagi mendapatkan Diploma Royal Society of Health, mereka akan dilantik sebagai Merinyu Kesihatan dalam tanggagaji berikut.

MERINYU KESIHATAN TERLATIH:—

Tanggagaji : C. 1 EB. 2 — \$1110-\$1685 sebulan.

Pemohonan-permohonan n n mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Tarikh tutup : 10 Mac, 1984.

(Bilangan iklan : 12/1984).

(E/308/60/3).

Sebagai Bilal Di Masjid Bokok

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, beragama Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untuk dilantik sebagai BILAL di Masjid Bokok, Temburong.

Tanggagaji : D.1-2 EB.3—\$425-\$900 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Berumur tidak kurang dari 20 tahun.

b) Hendaklah tahu membaca dan menulis jawi.

c) Hendaklah tahu membaca Quran.

d) Hendaklah tahu dalam menyempurnakan mayat.

e) Hendaklah tahu dalam bertahil dan bacaan doa.

f) Boleh menyampaikan azan dan qamat dengan baik.

g) Hendaklah mengetahui hukum-hukum khasnya dalam perkara-perkara bersuci, sembahyang, zakat

dan puasa.

h) Hendaklah pandai berzikir.

Am : Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang tinggal dalam kawasan-kawasan yang berdekatan dengan Masjid yang berkenaan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan n n mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 10 Mac, 1984. (E/312/62)

(Bilangan iklan : 10/1984).

TAWARAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4 Jabatan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Isnin 26 Mac, 1984 jam 12.00 tengah hari.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh tutup yang dinyatakan tidak akan dilyan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat bertutup tanpa tanda-tanda yang menunjukkan nama atau alat pihak yang menawarkan, dan ditanda dengan dengan jelas pada sampul surat Bilangan No. Tawaran (Tender Ref. No.)
4. Syarikat pembekal hendaklah membubuh 'freight, packing and handling charges' mana-mana perlu.
5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang tawaran.

TENDER No. 1/RTB 158/81

AMPEX VIDEO TAPE

Item	Qty	Serial No.	Description
1.	50	175-975EIG	Ampex 175 series 2 inch x 2550 ft, 33 mins Highband Colour Video Tape on 10 1/2 inch Plastic Flame Retardant Shipper.
2.	50	175-975GIG	Ampex 175 series 2 inch x 3600 ft, 46 mins Highband Colour Video Tape on 10 1/2 inch reel in 14 inch Plastic Flame Retardant Shipper.
3.	50	175-98511F	Ampex 175 series 2 inch x 4950 ft, 63 mins Highband Colour Video Tape on 12 1/2 inch reel in 14 inch Flame Retardant Shipper.
4.	50	175-99511F	Ampex 175 series 2 inch x 7200 ft, 92 mins Highband Colour Video Tape on 14 inch reel in 14 inch Flame Retardant Shipper.
5.	50	196-3170CR	Ampex 196 series 1 inch x 3169 ft, 66 mins High Energy Video Tape on 9 inch Precision Metal reel in 10 1/2 inch Flame Retardant Shipper 'C' Format.
6.	50	196-4610HR	Ampex 196 series 1 inch x 4610 ft, 97 mins High Energy Video Tape on 9 inch Precision Metal reel in 10 1/2 inch Flame Retardant Shipper 'C' Format.

TENDER No. 2/RTB 158/81

HIGH BAND U-MATIC TAPE

Item	Qty	Description
1.	50	1/2 inch 60 mins High Band Broadcasts U-Matic Tape equivalent to Sony KCA 60".
2.	50	1/2 inch 20 mins High Band Broadcasts U-Matic Tape equivalent to Sony KCS.
3.	50	1/2 inch 30 mins High Band Broadcasts U-Matic Tape equivalent to Sony KCS/KCA.

TENDER No. 3/RTB 158/81

VHS PAL/SECAM CASSETTE

Item	Qty	Description
1.	50	1/2 inch x 30 minutes.
2.	50	1/2 inch x 60 minutes.
3.	50	1/2 inch x 120 minutes.
4.	50	1/2 inch x 180 minutes.

Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

No. 6/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF FLAG, BRUNEI STATE WOOL. SIZE 3' x 6'.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 7/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF GALVANIZED CONTINUOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967 CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BS: 21 UNSOCKETED TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST DAMAGED.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 8/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF POLISHING CLOTH, COTTON SIZE: 20" x 24".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 9/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 5 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF ROUND BAR, MILD STEEL BRIGHT BERMACAM ENIS UKURAN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 10/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga

12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam:—

SUPPLY OF EXIDE BATTERY 12 VOLTS N.50Z OR EQUIVALENT (11 PLATES)

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 11/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam:—

SUPPLY OF NETTING MOSQUITO AND SCREEN VINYL.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 12/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam:—

SUPPLY OF TEAPOL AND POLISH GLASS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 13/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam:—

SUPPLY OF BLANKET, BED SHEET, PILLOW CASE AND COTTON.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 14/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Mac, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam:—

SUPPLY OF COTTON DRILL AND KHAKI COTTON.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

SUPPLY OF ESSEX SEALPIC FF TELEPHONE CABLE TENDERS are invited from the manufacturer or accredited agents for the supply of Essex Sealpic FF Telephone Cable.

Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday, 5th March, 1984.

Conditions of tender and quantities required can be obtained from the office of The Director of Telecommunications, 1st Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam on payment of a deposit of \$100 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a valid tender.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Tetamu negara dari luar negeri diberi penghormatan negara

BANDAR SERI BEGAWAN.

Berpuluh-puluh orang ketua-ketua negara, ketua-ketua kerajaan dan wakil ketua negara termasuk dari ASEAN, Komanwel dan beberapa buah negara Islam di Pasifik telah tiba di sini bagi menghadiri Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung pada 23 Februari lepas.

Tetamu-tetamu negara itu termasuklah Kebawah DYMM Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Malaysia, DYTM Putera Charles yang mewakili bagi pihak Queen Elizabeth dari United Kingdom, King Taufu Tupau IV dari Tonga, Putera D.B. Bikram Shah dari Nepal, King Malitua Tanu Mafili II dari Western Samoa, DYMM Syed Faisal bin Ali dari Oman, Sh. Khalid Abdullah Al Khalifa dari Bahrain, Naib Marshall Udara Sultan Mahmud dari Bangladesh dan Sultan dan Sultanah dari Johor, Malaysia.

Ketua-Ketua Negara ASEAN yang juga telah tiba di sini ialah T.Y.T. Presiden Suharto dan Ibu Tien dari Indonesia, T.Y.T. Presiden Marcos dari Filipina, Y.A.B. Tuan Lee Kuan Yew dan isteri dari Singapura, Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed dan isteri, Y.A.B. Perdana Menteri General Prem Thinsolanonda dari Thailand.

Lain-lain negarawan yang juga tiba di sini ialah T.Y.T.

Pertandingan Nasyid

BANDAR SERI BEGAWAN.

Bahagian Dakwah dan Tabliq, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei akan mengadakan Pertandingan Nasyid Peringkat Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Isra Meraj Tahun Hijrah 1404.

Peraduan ini adalah terbuka kepada sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab, persatuan-persatuan dan jabatan-jabatan kerajaan di Daerah Brunei Muara.

Peraduan tersebut akan dilangsungkan pada hari Jumaat 9 Mac 1984 bertempat di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna di Batu 1½ Jalan Tutong, Brunei.

Borang-borang penyertaan dan syarat-syaratnya boleh didapati dari sekarang di Bahagian Dakwah dan Tabliq di Tingkat 3 di Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dan akan ditutup pada 6 Mac 1984 jam 4.00 petang.

Pemenang-pemenang bagi peringkat ini nanti dijangka akan mewakili Daerah Brunei dan Muara peringkat negara.

Presiden Zia Ul-Haq dan isteri dari Pakistan, Sir Kingford Dibella dari Papua New Guinea, Tuan Maumoon Abdul Gayon dari Pulau Maldiva, Presiden Iremia T. Tabai dari Karibati, Tuan Masumi Esaki dari Jepun, Tuan Chin Lee Cong dari Korea Selatan, Ratu Sir K. Mara dari Fiji, Tuan Kenneth Dam dari Amerika Syarikat dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dari negara asing yang lain.

Ketibaan Ketua-Ketua Negara itu telah dialu-alukan dengan satu barisan kehormat yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin dari Kawalan Kehormat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Semasa berada di sini tetamu-tetamu negara tersebut bersama isteri telah juga mengadap ke hadapan Majlis D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Istana Nurul Iman.

Cenderamata-cenderamata dari Ketua-Ketua Negara juga telah disebarkan kepada Baginda.

Di samping menghadiri Perhimpunan Agung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah tetamu negara juga telah sempat melawat ke tempat-tempat yang menarik dan jabatan-jabatan Kerajaan di negara ini.

Manakala beberapa Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dan Duta-Duta asing juga sempat membuat kunjungan termasuk ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan membuat perbincangan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Brunei, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan lain-lain Kerabat Diraja bertual-bual mesra dengan DYTM Putera Charles yang berangkat tiba di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin untuk menghadiri perayaan Hari Kebangsaan.

920 calon Peperiksaan Brunei-Cambridge aliran Inggeris lulus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Cuma 920 calon dari seluruh negara yang menduduki Peperiksaan Brunei-Cambridge peringkat biasa aliran Inggeris berjaya mendapat kelulusan antara tiga hingga lapan mata pelajaran dari seramai 2502 calon yang telah menduduki tahun 1983. Peratus kelulusan ialah 36.77.

Dari jumlah itu calon-calon sekolah dari seluruh negara yang menduduki seramai 2114 orang, seramai 883 orang saja yang mendapat kelulusan demikian dengan peratus kelulusan 41.77.

Sementara calon-calon dari sekolah-sekolah kerajaan hanya 37.82 peratus saja mendapat kelulusan

berkenaan iaitu 719 orang dari 1901 penuntut yang menduduki.

Peperiksaan berkenaan yang telah dijalankan akhir tahun lepas di seluruh negara dan dikeluarkan keputusannya minggu ini menunjukkan calon-calon dari sekolah bukan kerajaan mendapat keputusan yang lebih tinggi dari calon-calon dari sekolah kerajaan iaitu 76.80 peratus. Calon dari Sekolah St. Margaret's, Seria mendapat kelulusan 100 peratus.

Manakala itu calon persendirian dari seluruh negara pula cuma 10.34 peratus lulus dengan keramaian 36 calon dari 348 calon menduduki, dan calon pelajaran dewasa hanya seorang lulus dari 40 orang menduduki.

Y.T.M. Duli Pengiran Digadong terima Bintang

BANDAR SERI BEGAWAN.

Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah dikurniakan Darjah Mahkota Yang Amat Mulia Seri Paduka Mahkota Johor, S.P.M.J. Darjah Pertama oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Iskandar Alhaj Almutawakkil 'Alallah.

Istiadat pengurniaan itu telah berlangsung di Istana Darul Hana di sini baru-baru ini.

Berangkat sama kiupacara itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor juga telah mengurniakan Darjah Mahkota Yang Amat Mulia Seri Paduka Mahkota Johor, S.M.J., Darjah Ketiga kepada Mejar Mohamed Jaafar Haji Abdul Aziz dan Pingat Ibrahim Sultan, P.I.S. kepada Awang Hassan bin Haji Ibrahim.

Sultan dan Sultanah Johor pada ketika itu berada di sini bagi Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah menerima Darjah Mahkota Yang Amat Mulia Seri Paduka Mahkota Johor, S.P.M.J., Darjah Pertama dari D.Y.M.M. Sultan Johor.